

Prosiding Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan 2014 (INSAN2014)  
Batu Pahat, Johor, 9 – 10 April 2014

## PENGINTEGRASIAN LATIHAN MASAKAN DAN PENDIDIKAN ISLAM DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK REMAJA: ANALISIS KAJIAN RINTIS

Ahmad bin Esa<sup>1</sup>, (Zalina@Siti Aishah Abd Aziz<sup>2</sup>, Haerani Mohamad<sup>3</sup>)

<sup>1</sup>*Universiti Tun Hussien Onn Malaysia*  
*ahmad@uthm.edu.my*

<sup>2</sup>*Universiti Tun Hussien Onn Malaysia)*  
<sup>3</sup>*Universiti Tun Hussien Onn Malaysia)*

### ABSTRAK

Pusat Pemulihan Akhlak Remaja (PPAR) di Malaysia melaksanakan program latihan pembangunan modal insan menerusi latihan masakan dan Pendidikan Islam. Berdasarkan model latihan terdahulu, didapati latihan akan menjadi lebih berkesana apabila berlaku pengintegrasian antara kemahiran dan unsur kerohanian seperti pendidikan Islam. Walau bagaimanapun terdapat PPAR di Malaysia yang kurang berkesan melaksanakan program tersebut dan tidak mengintegrasikan elemen kemahiran dan Pendidikan Islam. Oleh itu, penyelidikan dijalankan untuk melihat pelaksanaan program latihan masakan, pendidikan Islam dan pengintegrasian latihan masakan dan Pendidikan Islam serta kesan latihan terhadap kemahiran masakan pelatih di PPAR di Malaysia. Reka bentuk penyelidikan ialah penyelidikan deskriptif dengan menggunakan instrument set borang soal selidik. Sebelum penyelidikan sebenar dijalankan, kajian rintis telah dilaksanakan terlebih dahulu ke atas 30 respondent untuk memperoleh nilai kebolehpercayaan [*Alpha Cronbach* ( )] dan gambaran awal dapatan penyelidikan yang dijalankan. Dapatan menunjukkan setiap domain dalam set borang soal selidik mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Dapatannya awal daripada kajian rintis juga menunjukkan bahawa latihan masakan, Pendidikan Islam, pengintegrasian latihan masakan dan Pendidikan Islam serta kesan latihan masakan dipersetujui oleh pelatih dilaksanakan dengan baik dan mempunyai kesan yang positif kepada mereka.

**Kata kunci :** Latihan Masakan, Pendidikan Islam, Pengintegrasian.

# **INTEGRATION OF CULINARY TRAINING AND ISLAMIC EDUCATION AT CENTER MORAL REHABILITATION TEENAGER: ANALYSIS OF PILOT STUDY**

## **ABSTRACT**

Teenagers Rehabilitation Center (TRC) in Malaysia has conducted training programs for human capital development through culinary training and Islamic Education. Based on previous training model, it has been found that the training will be more effective when there is integration between skills and spiritual element such as Islam Education. However a few TRC in Malaysia are less effective in implementation these programs and there is no intergration between the skills and Islamic Education. Therefore, the research has been carried out for the implementation culinary training program, Islamic education and integration of Islamic Edacation and culinary training and the impact of the training on the culinary skills for the trainees in TRC in Malaysia. The reseacrh design is a descriptive research using a questionnaire instrument . Before the actual research has been done, a pilot study was conducted prior to the 30 respondents to obtain the reliability [ Cronbach Alpha ( ) ] and an initial overview of the research findings . The results showed that each of the domains in the questionnaire had high reliability. Initial findings from the pilot study showed that culinary training, Islamic Education, intergration culinary training and Islamic Education and the impact of culinary training agreed by the trainees that they had done well and have a positive impact to them.

**Keywords:** Culinary Training, Education Islamic, integrated

Penulis <sup>1</sup>	:	Ahmad bin Esa
Jawatan	:	Pengarah
Alamat	:	Pusat Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400 Parit Raja..
Tel. Pejabat	:	074537480 (pk, uthm)
Fax	:	074536808 (pk, uthm)
H/P	:	0197677349
Emel	:	ahmad@uthm.edu.my

## **PENGENALAN**

Dalam melaksanakan kajian, penyelidik menjadikan Teori Life – Span yang diperkenalkan oleh Super pada tahun 1990. Menerusi teori tersebut, pembangunan vokasional merupakan proses membangunkan konsep kendiri yang melibatkan fizikal dan mental terutamanya dalam pekerjaan. Pembangunan vokasional merupakan proses yang berlaku sepanjang hayat. Individu dipengaruhi oleh persekitaran seperti kumpulan setaraf, keluarga, sosioekonomi dalam pemilihan pekerjaan. Kejayaan individu dalam pekerjaan adalah bergantung kepada faktor dalaman dan luaran. Menurut Teori Life-

Span individu yang berusia 15-24 tahun mulai menentukan jenis pekerjaan yang diinginkan. Super (1980) turut menjelaskan bahawa pembangunan kerjaya individu dipengaruhi oleh pengajaran dan kaunseling. Selanjutnya Sarwickas (1997) menerangkan bahawa dalam konteks kaunseling kerjaya adalah penting untuk individu dibangunkan konsep kendiri untuk memberikan mereka peluang menjadi individu sebagaimana yang mereka dan masyarakat kehendaki. Dalam konteks memberi kaunseling kerjaya, pendidikan agama relevan diintegrasikan dalam latihan kerjaya (Mohd Noah, 2002).

Teori Life-Span sesuai dijadikan asas kepada penyelidikan yang dijalankan kerana pelatih di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja mengikuti latihan vokasional untuk menyediakan mereka dengan pekerjaan setelah tamat tempoh latihan. Latihan yang dibangunkan adalah berdasarkan konsep kendiri berdasarkan kemahiran fizikal dan berkonseptkan pembelajaran sepanjang hayat (Mat, komunikasi peribadi, April 8, 2012). Pelatih berada dalam lingkungan kumpulan yang setaraf (remaja yang terlanjur) dan berada dalam lingkungan umur 15 – 24 tahun. Di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja, pelatih juga dibangunkan aspek spiritual dan kerohanian (faktor dalaman) untuk menjadikan mereka individu yang dapat diterima oleh masyarakat menerusi Pendidikan Islam. Teori Life-Span juga mengintegrasikan faktor kemahiran (luaran) dan agama (dalaman) sebagai penentu kejayaan individu dalam pekerjaan.

Model Baldwin & Ford (1988), merupakan model asas untuk mengukur pemindahan latihan. Model ini menekankan kepada tiga terma dalam proses pemindahan latihan iaitu input latihan, output latihan dan syarat pemindahan latihan. Input latihan yang menekankan kepada ciri-ciri pelatih, reka bentuk latihan dan persekitaran kerja manakala output latihan dilihat daripada aspek keupayaan pelatih belajar, personaliti dan motivasi pelatih dalam menjalani pemindahan latihan. Syarat pemindahan output latihan Baldwin & Ford (1988), menitik beratkan proses generalisasi iaitu memerlukan pelatih menguasai ilmu yang dipelajari dalam latihan untuk transformasi dalam situasi yang sebenar dan mengaplikasikan semua yang dipelajari semasa bekerja. Model Baldwin & Ford telah banyak dilaksanakan di dalam kajian terutama dalam proses pemindahan latihan dan telah pun berjaya (Magnus, 2005, Bowne, 1999, Pamela S., 1997 & Smith, 1996).

Model Pemindahan Holton (1996), adalah satu model yang memfokuskan kepada tiga faktor pemindahan latihan iaitu pembelajaran, prestasi individu dan hasil organisasi. Model ini sesuai diterapkan di dalam pusat bimbingan pelatih. Proses pembelajaran dipelajari oleh pelatih seberapa banyak ilmu yang ditimba di dalam pusat bimbingan. Ilmu- ilmu ini akan membekalkan pada diri pelatih apabila mereka keluar daripada pusat bimbingan. Model Holton ini juga mampu mempengaruhi pemindahan latihan dari segi motivasi untuk pemindahan, suasana pemindahan dan reka bentuk pemindahan dan diperakui serta dipersetujui berupaya dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan tingkah laku positif ( Awang, Ismail, Mohd Noor, & Hamzah, 2010, Awang, Hamzah, Uli, Ahmad & Ismail. 2007).

Berdasarkan Model Pemindahan Holton (1996) dan Model Baldwin & Ford (1988), dapatlah dirumuskan bahawa latihan dapat melahirkan individu yang berilmu dan berkemahiran serta membangunkan potensi diri termasuklah remaja terlanjur. Oleh itu latihan di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja perlu mewujudkan beberapa faktor seperti sistem latihan yang sistematik, faktor personaliti individu, contohnya memiliki ilmu pendidikan agama dan integriti serta faktor persekitaran. Iklim yang selamat dan kondusif, peralatan yang moden dan teknologi yang canggih mampu memindahkan latihan di tempat kerja boleh menjadikan remaja terlanjur menjadi pekerja yang berilmu dan berkemahiran (*K-workers*)

Di Malaysia terdapat Pusat Pemulihan Akhlak Remaja seperti di Raudhatus Sakinah. Munad (2012) melaporkan, Raudhatus Sakinah ini, diwujudkan sebagai Pusat Pemulihan Akhlak Remaja yang memberi perlindungan dan bimbingan kepada remaja puteri yang menjadi mangsa gejala sosial. Raudhatus Sakinah berusaha membantu remaja-remaja yang terlibat demi meningkatkan keyakinan dan keupayaan diri untuk menjadi individu yang berguna kepada masyarakat dan agama melalui model latihan yang disediakan dalam Raudhatus Sakinah yang perlu dipatuhi oleh semua penghuninya.

Hasil temu bual dengan (Mat, komunikasi peribadi, April 8, 2012) pengurus Raudhatus Sakinah di Johor beliau menyatakan kewujudan Pusat Pemulihan Akhlak Remaja Raudhatus Sakinah adalah untuk memberi bimbingan dan latihan vokasional serta perlindungan kepada remaja perempuan yang terlanjur. Di sini tiada terdapat sistem latihan yang berstruktur digunakan. Latihan hanya mengikut jadual yang telah ditetapkan. Program latihan vokasional yang dijalankan tidak diintegrasikan dengan Pendidikan Islam. Semua tenaga pengajar di sini adalah terdiri daripada sukarelawan yang tidak terlatih secara formal. Menurut beliau lagi, hanya 70% sahaja program bimbingan dan latihan vokasional itu berkesan kepada pelatih-pelatih merubah diri untuk bertambah baik setelah 13 bulan menjalani bimbingan di Raudhatus Sakinah

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pusat Pemulihan Akhlak Remaja di Malaysia menyediakan program latihan vokasional sebagai sebahagian daripada kurikulum latihan mereka. Latihan vokasional yang sistematik membantu remaja yang terlanjur memperoleh kemahiran untuk membolehkan mereka bekerja sendiri atau bekerja dengan orang lain apabila selesai menjalani latihan. Namun begitu, berdasarkan kajian awal dan literatur yang dijalankan didapati ada institusi latihan yang tidak menyediakan latihan vokasional dan Pendidikan Islam yang berstruktur dan sistematik. Situasi tersebut menyebabkan terdapat pelatih kurang menguasai kemahiran vokasional dan Pendidikan Islam yang boleh digunakan untuk memperoleh pekerjaan dan kehidupan. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meninjau latihan vokasional dan pendidikan Islam yang dilaksanakan di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja di Malaysia. Di samping itu, kajian awal juga menunjukkan institusi latihan pemulihan remaja tidak mempunyai model pendidikan vokasional yang diintegrasikan dengan pendidikan Islam semasa sesi amali dijalani oleh pelatih. Pengintegrasian pendidikan Islam adalah

penting dalam sesi latihan vokasional sebagaimana yang disarankan oleh ( Mohd Dom, 2013 dan Titus & Smith, 1974 ) bahawa dalam membangunkan modal insan, agama dan kemahiran tidak boleh dipisahkan. Oleh itu, kajian ini juga dijalankan untuk menilai pengintegrasian latihan vokasional dan Pendidikan Islam yang dilaksanakan dalam latihan amali dan kesan latihan terhadap diri pelatih di institut pemulihan remaja di Malaysia.

## SOALAN KAJIAN

Soalan Kajian dalam penyelidikan yang dijalankan adalah seperti berikut,

- a) Bagaimakah amalan latihan vokasional masakan di pusat pemulihan akhlak remaja?
- b) Bagaimakah amalan Pendidikan Islam di pusat pemulihan akhlak remaja?
- c) Bagaimakah amalan pengintegrasian latihan vokasional masakan dan Pendidikan Islam pusat di pemulihan akhlak remaja?

## METODOLOGI

Borang soal selidik menjadi merupakan instrumen utama dalam penyelidikan yang dijalankan. Borang Soal selidik akan direka bentuk untuk mengumpul segala maklumat berkaitan penyelidikan yang dijalankan dan terdiri daripada 5 bahagian iaitu bahagian A,B,C, D, E dan F. Bahagian A merupakan item yang berkaitan dengan demografi responden iaitu umur pelatih, tempoh menjalani latihan dan tempat Pusat Latihan Pemulihan Akhlak Remaja.

Bahagian B pula, terdiri beberapa item yang bertemakan kepada latihan vokasional (masakan), Bahagian C, mengandungi item berkaitan dengan Pendidikan Islam dan Bahagian D pula mengandung item berkaitan pengintegrasian latihan vokasional (masakan) dan Pendidikan Islam. Bahagian E merupakan maklum balas responden terhadap kesan latihan yang telah diikuti di Pusat Latihan Pemulihan Akhlak Remaja. Bahagian F pula merupakan item terbuka untuk responden memberi pandangan terhadap latihan yang diikuti di Pusat Latihan Pemulihan Akhlak Remaja.

Menurut Mertler (2012) penggunaan borang soal selidik merupakan pengumpulan data yang mudah digunakan dan lengkap malah responden dapat menandakan item yang dipilih mengikut penilaian daripada naluri dirinya sendiri. Skala yang digunakan adalah seperti di dalam Jadual 1.

Jadual 1                    Skala Likert (Creswell, 2008)

Skala	1	2	3	4	5
Tafsiran	Sangat Tidak Setuju (STS)	Tidak Setuju (TS)	Kurang Setuju (KS)	Setuju (S)	Sangat Setuju (SS)

Menurut Clough dan Nutbrown (2012) pula menyatakan, instrumen soal selidik merupakan instrumen yang cepat, tepat diperoleh daripada responden

dan instrumen yang berkesan dalam kajian. Bagi diri Cox & Cox (2008) pula, penggunaan instrumen soal selidik dapat menjimatkan masa dalam pengumpulan data. Abd Majid (2008) pula menegaskan bahawa dengan menggunakan instrumen soal selidik kebolehpercayaan yang tinggi dapat disebarluaskan bagi kegunaan pengkaji di tempat atau masa yang lain. Data yang diperoleh daripada borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian *SPSS Package for Sosial Science (SPSS) Version 20.0 for Windows*.

Penyelidik telah menjalankan proses kesahan bagi setiap item di dalam borang soal selidik. Pengesahan pakar pertama diperoleh daripada pakar latihan vokasional masakan. Hasil daripada perbincangan, beliau mencadangkan item Bahagian B diubah seperti di dalam Jadual 2.

Jadual 2                    Jadual sebelum kesahan dan selepas kesahan pakar latihan vokasional masakan.

<b>Nombor Item</b>	<b>Sebelum kesahan</b>	<b>Selepas kesahan</b>
8	Diajar cara membasuh bahan Masakan	Diajar cara untuk membersihkan bahan masakan.
13	Diajar cara menghidang makanan.	Diajar kaedah menghidang makanan

Proses seterusnya ialah kesahan diperoleh daripada pakar bidang Pendidikan Islam. Setelah perbincangan dijalankan, beliau mencadangkan supaya beberapa item di dalam soal selidik diperbaiki antaranya seperti di dalam Jadual 3.

Jadual 3                    Jadual sebelum kesahan dan selepas kesahan pakar Pendidikan Islam.

<b>Nombor Item</b>	<b>Sebelum kesahan</b>	<b>Selepas kesahan</b>
17	Belajar ilmu Pendidikan Islam.	Belajar atas Pendidikan Islam.
22	Diajar membaca doa.	Diajar membaca doa-doa tertentu.
25	Diajar menutup aurat yang Sempurna.	Diajar berkaitan dengan penutupan aurat.

Peringkat yang seterusnya, pengkaji mendapatkan kesahan daripada pakar bahasa. Setelah semakan dibuat, beliau mencadangkan supaya pengkaji melakukan penambahbaikan susunan ayat antaranya seperti di dalam Jadual 4.

Jadual 4      Jadual sebelum kesahan dan selepas kesahan pakar Bahasa

Nombor Item	Sebelum kesahan	Selepas kesahan
8	Diajar <b>cara</b> untuk memotong bahan mentah	Diajar <b>kaedah</b> untuk memotong bahan mentah
9	Mempelajari <b>cara</b> memasukkan bahan mentah ke dalam periuk/kuali	Mempelajari <b>kaedah</b> memasukkan bahan mentah ke dalam periuk/kuali
54	Mempunyai minat mengikuti kelas yang <b>mengintegrasikan</b> latihan masakan dengan Pendidikan Islam	Mempunyai minat mengikuti kelas yang <b>mengintegrasikan</b> latihan masakan dengan Pendidikan Islam

Akhir sekali pengkaji mendapatkan kesahan daripada Pengurus pusat latihan. Tiada sebarang pembetulan yang dicadangkan oleh beliau. Proses penyelidikan yang seterusnya ialah penyelidik telah menjalankan kajian rintis.

### DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian dalam kertas kerja ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu hasil kajian rintis dan hasil analisis data mengikut persoalan kajian berdasarkan kajian rintis yang dijalankan.

#### i) Hasil Kajian Rintis

Pengkaji telah menjalankan kajian rintis untuk memperoleh nilai kebolehpercayaan. Menurut Tan (2007) dan Burns (2002) kajian rintis merupakan kajian yang dilakukan sebelum kajian sebenar dilakukan. Kajian rintis telah dijalankan ke atas 30 orang responden sebagaimana yang disarankan oleh Robson (2007). Responden yang terlibat adalah merupakan responden sebenar semasa penyelidikan sebenar dijalankan. Kajian rintis juga dijalankan untuk melihat kebolehtadbiran, kesesuaian masa, format dan bahasa yang digunakan berdasarkan maklum balas daripada responden yang terlibat dalam kajian rintis yang dijalankan (Jackson, 2008, Fink, 2008 dan Devlin, 2006). Nilai Alpha Cronbach adalah seperti di dalam Jadual 5,

Jadual 5      Nilai *Alpha Croanbanch* bagi set soal selidik untuk setiap domain.

Domain	Nilai <i>Alpha Croanbanch</i>	Tahap Kebolehpercayaan
Amalan latihan vokasional masakan	0.913	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
Pendidikan Islam	0.926	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
Pengintegrasian amalan latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam	0.936	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
Kesan pengintegrasian amalan latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam	0.942	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi
Nilai <i>Alpha Croanbanch</i> Keseluruhan Item	0.964.	Sangat baik dan efektif dengan tahap konsistensi yang tinggi

Merujuk kepada Jadual 5, didapati nilai *Alpha Croanbach* sama ada keseluruhan item atau mengikut domain adalah melebihi nilai 0.9. Oleh itu, kebolehpercayaan setiap item di dalam set borang soal selidik adalah tinggi. Menurut Devlin (2006) dan George & Mallery (2003) sekiranya nilai *Alpha Cronbach* ( ) ialah 0.9 ke atas, ítem tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Berdasarkan kajian rintis yang telah dijalankan juga didapati set soal selidik yang telah dibina boleh ditadbir dan dilaksanakan dengan sistematik. Didapati masa yang diambil oleh responden untuk memberi maklum balas terhadap soal selidik ialah 30 minit. Responden memahami setiap ítem yang dikemukakan. Ini kerana sepanjang kajian rintis dijalankan responden kurang mengemukakan soalan berkaitan dengan ítem yang terkandung di dalam set borang soal selidik. Mereka juga tidak memberi maklum balas daripada segi saiz tulisan dan reka bentuk yang digunakan. Ini menunjukkan bahasa yang digunakan oleh penyelidik adalah mudah difahami dan format yang digunakan boleh diterima oleh responden.

## **Analisis Data Berdasarkan Soalan Kajian Hasil Kajian Rintis**

Hasil kajian setelah kajian rintis dijalankan adalah seperti di dalam Jadual 6, 8, 9 dan 11.

## **Amalan Latihan Vokasional Masakan.**

Berdasarkan kajian rintis yang dijalankan, dapatan awal berkaitan amalan latihan vokasional masakan di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja di Malaysia adalah seperti di dalam Jadual 6.

Jadual 6 Amalan Latihan Vokasional Masakan

No.Item	Item	Min	Sisihan Piawai
4	Belajar Teori Memasak	3.90	0.845
5	Membuat praktikal Memasak	4.20	0.761
<b>6</b>	<b>Praktikal memasak menggunakan buku panduan</b>	<b>3.57</b>	<b>1.006</b>
7	Memasak menggunakan peralatan berteknologi	3.67	1.061
8	Memasak menggunakan resipi terkini	3.93	1.015
9	Diajar memilih bahan dalam masakan	4.03	0.765
10	Diajar cara pilih bahan dalam masakan	4.17	0.950
11	Diajar cara bersih bahan mentah	4.40	0.498
<b>12</b>	<b>Diajar cara potong bahan mentah</b>	<b>4.47</b>	<b>0.572</b>
13	Diajar cara masuk bahan dalam periuk /kuali	4.30	0.651
14	Diajar teknik kawal api	4.03	1.033
15	Diajar mengenal masakan telah masak	4.30	0.750
16	Diajar menghidang makanan	4.30	0.877
17	Diajar mereka menu	3.90	1.094
18	Diajar menjaga kebersihan makanan	4.33	0.844
19	Diajar aspek keselamatan makanan	4.30	0.837
	<b>Keseluruhan Amalan Latihan Vokasonal Masakan</b>	<b>4.11</b>	<b>0.567</b>

Jadual 6 menunjukkan Min Keseluruhan dalam amalan latihan vokasional masakan ialah 4.11. Ini menunjukkan responden bersetuju bahawa mereka dilatih daripada segi amalan latihan vokasional masakan di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja. Nilai min yang rendah ialah 3.57 yang menunjukkan responden bersetuju bahawa mereka membuat praktikal memasak dengan menggunakan buku panduan. Amalah latihan vokasional yang paling dipersetujui dilatih dalam kalangan responden ialah mereka diajar cara memotong bahan mentah dengan nilai min 4.47). Nilai Sisihan Piawai ialah 0.567 yang menunjukkan bahawa maklum balas responden adalah terfokus yang menunjukkan mereka bersetuju bahawa mereka telah dilatih dengan amalan latihan vokasional masakan.

Terdapat juga beberapa item di dalam Jadual 6, yang menunjukkan nilai sisihan piawai melebihi nilai 1 yang menunjukkan maklum balas tidak terfokus kepada skala bersetuju sahaja. Jadual 7, menunjukkan serakan maklum balas responden terhadap setiap item yang mempunyai nilai sisihan piawai melebihi 1.

Jadual 7 Serakan Maklum Balas Responden Terhadap Item Yang Mempunyai Nilai Sisihan Piawai Melebihi 1.

No. Item	Item	Sisihan Piawai	Skala (Bilangan)				
			1	2	3	4	5
6	Praktikal memasak menggunakan buku panduan	1.006	1	3	9	12	5
7	Memasak menggunakan peralatan berteknologi	1.061	2	1	8	13	6
8	Memasak menggunakan resipi terkini	1.015	1	2	4	14	9
17	Diajar mereka menu	1.094	1	2	3	13	11

Berdasarkan Jadual 7, didapati jumlah responden yang tidak bersetuju dengan setiap item yang mempunyai nilai sisihan piawai melebihi satu adalah tidak ramai, contohnya bagi item, ‘Praktikal memasak menggunakan buku panduan,’ jumlah responden yang tidak bersetuju hanyalah 4 orang. Oleh itu, berdasarkan analisis min dan sisihan piawai yang dijalankan adalah jelas menunjukkan responden bersetuju bahawa mereka telah dilatih daripada segi amalan latihan vokasional masakan di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja di Malaysia.

Pendidikan Islam.

Berdasarkan kajian rintis yang dijalankan, dapatan awal berkaitan Pendidikan Islam di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja di Malaysia adalah seperti di dalam Jadual 8.

Jadual 8 Pendidikan Islam

No.Item	Item	Min	Sisihan Piawai
20	Belajar asas Pendidikan Islam	4.57	0.568
21	Belajar praktikal Pendidikan Islam	4.53	0.571
22	Belajar ilmu tauhid	4.57	0.626
23	Belajar ilmu ibadat	4.63	0.490
24	Belajar berkaitan akhlak	4.57	0.568
25	Diajar doa- doa tertentu	4.57	0.568
<b>26</b>	<b>Diajar doa berkaitan masakan</b>	<b>4.00</b>	<b>0.910</b>
27	Sering diadakan tazkirah	4.23	0.728
<b>28</b>	<b>Diajar penutupan aurat</b>	<b>4.60</b>	<b>0.498</b>
	<b>Min Keseluruhan Pendidikan Islam</b>	<b>4.474</b>	<b>0.497</b>

Merujuk kepada Jadual 8 didapati Responden paling bersetuju bahawa mereka diajar untuk menutup aurat dengan nilai min 4.60 manakala nilai min yang rendah ialah 4.00 yang menunjukkan mereka juga bersetuju bahawa mereka diajar membaca doa berkaitan dengan semasa melakukan masakan. Sisihan piawai keseluruhan ialah 0.497 dan min keseluruhan bagi Pendidikan Islam ialah 4.74 yang menggambarkan bahawa responden bersetuju bahawa di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja di Malaysia mereka belajar berkaitan dengan ilmu Pendidikan Islam.

### Pengintegrasian Amalan Latihan Vokasional Masakan dan Pendidikan Islam

Berdasarkan kajian rintis yang dijalankan, dapatan awal berkaitan Pengintegrasian amalan latihan vokasional masakan dan Pendidikan Islam di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja di Malaysia adalah seperti di dalam Jadual 9.

Jadual 9 Pengintegrasian amalan latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam.

No.Item	Item	Min	Sisihan Piawai
29	Belajar kaedah masakan secara Islam	4.30	0.702
30	Belajar konsep halam/ haram	4.43	0.679
31	Belajar haiwan halal /haram	4.37	0.765
32	Diajar doa sebelum memulakan masakan	4.20	0.961
33	Diajar jenis-jenis air untuk menyuci bahan	4.27	1.081
34	Diajar cara basuh bahan mentah mengikut Islam	4.33	0.884
35	Diberitahu tidak mencampurkan bahan mentah dari laut dengan darat	3.87	1.167
<b>36</b>	<b>Dimaklumkan perlu baca Bismillah sebelum masakan sebelum memasak</b>	<b>4.53</b>	<b>0.629</b>
37	Dimaklumkan perlu pasang niat sebelum memasak	4.17	0.874
38	Diajar cara mengaul masakan mengikut	4.10	0.885

	Islam		
39	Diajar membaca bacaan tertentu semasa memasak	4.03	1.129
40	Dimaklumkan membaca selawat semasa memasak	4.40	.0.770
41	Dimaklumkan perlu menjaga aurat semasa memasak	4.33	0.711
42	Dimaklumkan perlu senyum ketika memasak	4.00	1.050
43	Dimaklumkan perlu masak dengan emosi yang stabil	4.13	0.973
44	Belajar baca doa selepas memasak	3.77	1.305
45	Belajar cara menyedok makanan mengikut Islam	3.77	1.223
46	Diajar cara hias makanan mengikut Islam	3.57	1.406
47	Dimaklumkan jangan meniup makanan untuk menyejukkannya	3.93	1.081
<b>48</b>	<b> Diajar berkaitan kisah sejarah Islam berkaitan masakan</b>	<b>3.63</b>	<b>1.245</b>
	<b>Min keseluruhan Penintegrasian</b>	<b>4.1067</b>	<b>0.671</b>

Nilai min bagi setiap item di dalam Jadual 9 berada di antara 3.57 dan 4.53. Ini menujukkan responden bersetuju bahawa mereka kurang diajar kurang diajar cara menghias makanan mengikut Islam tetapi mereka bersetuju bahawa mereka sering dimaklumkan untuk membaca Bismillah sebelum memasak. Min keseluruhan peingintegrasian pula ialah 4.1067 yang bermaksud responden bersetuju bahawa berlaku pengintegrasian di antara latihan vokasional masakan dengan Pendidikan Islam dalam latihan yang mereka ikuti di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja di Malaysia. Namun begitu, terdapat beberapa item yang mempunyai sisihan piawai melebih 1 yang menggambarkan maklum balas responden tidak terfokus Jadual 10, menunjukkan serakan maklum balas responden terhadap Skala Likert yang digunakan di dalam set borang soal selidik.

Jadual 10      Serakan Maklum Balas Responden Terhadap Item Yang Mempunyai Nilai Sisihan Piawai Melebihi 1.

No. Item	Item	Sisihan Piawai	Skala (Bilangan)				
			1	2	3	4	5
33	Diajar jenis-jenis air untuk menyuci bahan	1.129	1	2	2	8	17
35	Diberitahu tidak mencampurkan bahan mentah dari laut dengan darat	1.167	1	4	4	10	11
39	Diajar membaca bacaan tertentu semasa memasak	1.081	2	1	3	12	12
42	Dimaklumkan perlu senyum ketika memasak	1.050	1	1	7	9	12
44	Belajar baca doa selepas memasak	1.305	3	2	5	9	11
45	Belajar cara menyedok makanan mengikut Islam	1.223	3	2	2	15	8
46	Diajar cara hias makanan mengikut Islam	1.406	5	2	2	13	8
47	Dimaklumkan jangan meniup makanan untuk menyejukkannya	1.081	2	3	3	13	10
48	Diajar berkaitan kisah sejarah Islam berkaitan masakan	1.245	3	2	6	11	8

Daripada Jadual 10, didapati item berkaitan dengan responden diajar cara menghiaskan makanan mengikut Islam, seramai 7 pelatih tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut. Namun demikian, bagi item yang lain menunjukkan antara 2 dan 5 responden yang tidak bersetuju. Oleh itu, adalah jelas menunjukkan responden bersetuju bahawa mereka telah mengikuti latihan secara integrasi antara amalan latihan vokasional masakan dengan Pendidikan Islam di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja di Malaysia.

### Kesan Pengintegrasian Amalan Latihan Vokasional Masakan Dan Pendidikan Islam.

Berdasarkan kajian rintis yang dijalankan, dapatan awal berkaitan Pengintegrasian amalan latihan vokasional masakan dan Pendidikan Islam di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja di Malaysia adalah seperti di dalam Jadual 11.

Jadual 11      Kesan pengintegrasian amalan latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam.

No. Item	Item	Min	Sisihan Piawai
<b>49</b>	<b>Pendidikan Islam diperlukan oleh pelatih</b>	<b>4.73</b>	<b>0.450</b>
50	Latihan masakan diperlukan oleh pelatih	4.67	0.606
51	Pengintegrasian antara pendidikan Islam dan masakan diperlukan pelatih	4.67	0.547
52	Pengajar pendidikan Islam mempunyai pengetahuan	4.63	0.490
53	Pengajar latihan masakan mempunyai pengetahuan	4.63	0.556
54	Minat mengikuti pendidikan Islam	4.50	0.682
55	Minat mengikuti latihan masakan	4.57	0.679
56	Minat mengikuti kelas integrasi Pendidikan Islam dan masakan	4.50	0.861

57	Bermotivasi mengikuti kelas Pendidikan Islam	4.47	0.629
58	Bermotivasi mengikuti latihan masakan	4.50	0.630
59	Bermotivasi mengikuti kelas integrasi pendidikan Islam dan masakan	4.47	0.629
60	Komunikasi yang baik antara pelatih dan pengajar Pendidikan Islam	4.47	0.681
61	Komunikasi yang baik antara pelatih dan pengajar latihan masakan	4.57	.679
62	Yakin akan peroleh pekerjaan setelah mengikuti latihan di pusat.	4.33	.844
63	<b>Yakin untuk membuka kedai makan setelah mengikuti latihan di pusat</b>	<b>4.13</b>	<b>.973</b>
64	Yakin untuk menyediakan makanan untuk keluarga	4.63	0.615
	<b>Min Keseluruhan Kesan Amalan Pengintegrasian Amalan Masakan &amp; Pendidikan Islam.</b>	<b>4.53</b>	<b>0.491</b>

Menerusi Jadual 11, didapati kesan pengintegrasian amalan latihan vokasional masakan dan pendidikan Islam mempunyai nilai sisihan piawai 0.491 dan min keseluruhan 4.53. Ini menunjukkan responden bersetuju bahawa terdapat kesan yang positif apabila mereka mengikuti latihan di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja. Nilai min tinggi ialah 4.73 yang menunjukkan responden bersetuju bahawa mereka sangat memerlukan Pendidikan Islam manakala nilai min yang rendah pula ialah 4.13 yang bermaksud mereka juga bersetuju bahawa mereka yakin untuk membuka kedai makan setelah tamat latihan di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja di Malaysia.

Berdasarkan item terbuka didapati majori responden bersetuju memberi pandangan yang positif terhadap Pusat Pemulihan Akhlak Remaja. Ringkasan persetujuan responden adalah seperti di dalam Jadual 13,

Jadual 12      Analisis Item Terbuka Di Dalam Set Borang Soal Selidik

Item	Pandangan Positif	Pandangan negatif
65. Nyatakan pandangan saudari berkaitan dengan latihan di pusat ini.	28	2
66. Apakah pandangan saudari terhadap pengintegrasian latihan masakan dengan Pendidikan Islam.	30	0

Antara maklum balas responden yang positif terhadap Pusat Pemulihan Akhlak Remaja adalah seperti petikan berikut,

“...telah menyediakan latihan masakan secara Islam yang sangat baik dari tidak faham menjadi faham dan dari tidak pandai menjadi pandai memasak.”

(Responden 22)

Walau bagaimanapun terdapat juga responden yang kurang berpuas hati dengan Pusat Pemulihan Akhlak Remaja. Antaranya, mereka menyatakan seperti berikut,

“Kurang memuaskan kerana tidak banyak aktiviti dan latihan dijalankan cara-cara memasak dengan lebih baik lagi.”

(Responden 30)

Dalam konteks pengintegrasian latihan vokasional masakan dan Pendidikan Islam, semua pelatih yang terlibat dalam kajian rintis bersetuju bahawa pengintegrasian akan memberi kesan yang positif kepada diri mereka. Antara maklum balas yang diberi ialah seperti petikan berikut,

“Saya rasa ianya amat bagus kerana pelatih dapat membezakan yang halal dan yang haram”  
(Responden 16)

## **PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

Secara keseluruhannya didapati bahawa pengintegrasian amalan latihan vokasional masakan dan Pendidikan Islam berlaku di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja di Malaysia. Pelatih bersetuju bahawa mereka mempelajari amalan masakan dan Pendidikan Islam. Mereka juga berpandangan bahawa semasa mereka mengikuti latihan di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja mereka memperoleh kesan yang positif.

Dalam konteks latihan vokasional masakan, antaranya pelatih bersetuju bahawa mereka dilatih daripada segi teori dan praktikal memasak. Dalam latihan yang diikuti mereka menggunakan buku panduan dan resepi dalam menyediakan makanan serta menggunakan perlatan teknologi terkini semasa latihan memasak. Di samping itu, dalam latihan memasak yang diikuti mereka bersetuju bahawa mereka diajar berkaitan cara memilih, membersih dan memotong bahan makanan serta kaedah memasukkan bahan mentah ke dalam periuk/kuali. Aktiviti dan kaedah yang mereka pelajari menepati pandangan Gibson (2013), Wongso (2012) dan Rahardjo (2010) berkaitan dengan aktiviti yang berlangsung dan kaedah yang digunakan semasa memasak.

Menurut Shahahrudin (2012) transformasi itu memerlukan usaha berterusan dengan melaksanakan asas - asas pendidikan Islam. Yusoffea (2009) menyatakan Pendidikan Islam amat mementingkan ilmu untuk kemajuan kehidupan umatnya, bagi menambah ilmu pelbagai cara boleh dilakukan seperti daripada pembacaan, perbincangan atau tazkirah. Menurut Endut, Seman & Ahmad (2009) pula rukun iman merupakan perkara yang perlu dipelajari dalam Pendidikan Islam manakala Menurut Suhid (2008) setiap amalan Rukun Iman dan Rukun Islam yang dilaksanakan semestinya dihiasi dengan akhlak. Hasil kajian menunjukkan saranan yang dikemukakan oleh Shahahrudin (2012), Yusoffea (2009), Endut, Seman & Ahmad (2009) dan Suhid (2008) adalah dipelajari oleh pelatih semasa mereka berada di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja di Malaysia.

Super (1990) yang mengemukakan Teori Life-Span menyatakan bahawa kejayaan individu ialah faktor dalaman dan luaran. Dalam konteks kajian yang dijalankan, kejayaan pelatih dilihat menerusi pengintegrasian latihan vokasional masakan (Faktor luaran) dan Pendidikan Islam (Faktor Dalaman). Hasil kajian telah menunjukkan bahawa pelatih telah mengikuti latihan yang diintegrasikan iaitu antara latihan masakan dengan Pendidikan Islam. Dapatkan ini selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh Abdul Rashid Ebrahim (2011) yang menyatakan setiap manusia yang hendak memulakan sesuatu pekerjaan mestilah dimulakan dengan niat. Alimin (2010) menyatakan Rasulallah SAW sentiasa mengacau minuman dan mengacau makanan yang dimasak dengan putaran arah lawan jam. Ar-Rifa'i (2008) pula menyatakan bahawa umat Islam wajiblah memilih makanan yang halal Faridi (2011) berpendapat bahawa elok memulakan memasak dengan doa.

Seterusnya hasil kajian telah menunjukkan bahawa pelatih memperoleh kesan positif daripada mengikuti latihan di Pusat Pemulihan Akhlak Remaja. Mereka bersetuju bahawa pendekatan pengintegrasian yang dilaksanakan di tempat latihan mereka membolehkan mereka berkeyakinan untuk mendapat pekerjaan, berupaya untuk membuka kedai makan dan boleh menyediakan masakan untuk keluarga. Kajian ini menyamai dengan Kajian yang di buat oleh Sari (2009) yang membuktikan kesan latihan berjaya kerana segala kurikulumnya yang berasaskan kepada Al-Quran, Hadis, Aqidah, Akhlak dan Fiqh dapat dilaksanakan di Madrasah Aliyah dan membawa perubahan positif kepada remaja di Madrasah itu. Namun begitu, dapatan kajian adalah tidak selari dengan kajian yang dijalankan oleh Ishak (2011) yang mendapati latihan program keagamaan kepada wanita dan gadis di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan tidak berkesan kerana masih terdapat pelatih yang masih melakukan kesalahan akhlak walaupun latihan program keagamaan telah dilaksanakan.

Oleh itu disimpulkan bahawa Pusat Pemulihan Akhlak Remaja Di Malaysia berkesan melaksanakan latihan vokasional masakan, Pendidikan Islam dan pengintegrasian latihan vokasional masakan dengan Pendidikan Islam. Sebagaimana yang diutarakan oleh Teori Life Span (1990), bahawa latihan vokasional yang diintegrasikan dengan elemen keagamaan berkesan menyediakan individu dengan pekerjaan yang bakal diceburi.

## RUJUKAN

- Abdul Majid, A. R. (2008). *Guru Sebagai Penyelidik*. Kuala Lumpur: PTS Publishing.
- Abdul Rashed Ebrahim, A. A. (2011). *Permata Hadis Empat Puluh Pedoman Hidup Muslim*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Alimin, Z. (2010) *Semuanya Bergerak Mengikut Mengikut Arah Lawan Jam*. Dicapaipada Oktober 17, 2010, dari <http://www.blogsport.com/2011/10/semuanya-bergerak-mengikut-arah-lawan.html>

- Ar-Rifa'i, M. N. (2008). *Kemudahan Dari Allah Ringkasan Tafsir Ibnu Kathir. Jilid 3( Surah Al- Israa'- Yassin)*. Jakarta: Gema Insani.
- Awang, A. H., Ismail, R., Mohd Noor, Z. & Hamzah, S. (2010). Impak program Latihan pekerja sektor perhotelan, teknologi maklumat dan komunikasi. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 5(1). 11-25.
- Awang, A. H., Hamzah, A., Uli, J., Ahmad, A. & Ismail, R. (2007). Program Latihan Kemahiran: Perbandingan Kos, Kebolehpasaran dan Pendapatan Pelatih. Universiti Kebangsaan Malaysia. *International Journal of Management Studies IJMS*, 14(1). 212- 244.
- Baldwin, T. T & Ford, J. K. (1988). Transfer of Training. A Review and Direction for Future Research. *Personnel psychology*, 43: 63-105.
- Bowne, A. W. (1999). The field study of a training transfer enhancement process And its effect on transfer of training. Western Michigan University: Tesis Ph.D.
- Burns, R. B. (2002). Introduction to research methods. London: Sage Publications.
- Creswell. J.W. (2008). *Educational Research. Planning, conducting and evaluating, Quantitative and qualitative research*. New Jersey: Prentice Hall.
- Clough, P. & Nutbrown, C. (2012). A Students Guide to Methodology<sup>3rd</sup> Ed. California: Sage Publication Inc.
- Cox, J. & Cox, K. B. (2008). *Your Opinion Please. How to Build the Best Questionnaires in the Field of Education*. California: Corwin Press A Sage Company.
- Devlin, A. S. (2006). *Research methods: Planning, conducting and presenting Research*. Belmont: Thomas Wadsworth.
- Endut, M., Seman, J. & Ahmad, M. (2009). *Focus Super Hai PMR Pendidikan Islam*. Selangor: Pelangi Sdn. Bhd.
- Faridi, M. (2011). *Himpunan Doa-Doa Makbul*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Fink, A. (2008). Practicing research: Discovering evidence that matters. California: Sage Publication Ltd.
- Holton, E. F. 111. (1996). The flawed four - level evaluation model. *Human resource Development Quarterly*, 7. 5 - 21.
- George, D. & Mallory, P. (2003). SPSS for window step by step: A simple guide And reference. Boston: Allyn & Bacon.
- Gibson, R. (2013). Mari Memasak. Dicapai pada Mei 30, 2013 di <http://books.google.com.my/books?id=JoP9QcdrrKC8printsec=front>
- Ishak, R. N. (2011). *Pemulihan Akhlak di Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan: Pengalaman dan Impak Program Keagamaan Terhadap Pelatih*. Universiti Sultan Zainal Abidin: Laporan Projek Sarjana.
- Jackson, S. L. (2008). *Research method: A modular approach*. Belmont: Thomas Wadsworth.
- Magnus, J. M. (2005). *The impact of pre-training interventions on cognitive, skill, and affective learning outcomes: A meta- analytic examination of four decades of research*. Florida Internasional University: Tesis Ph.D.
- Mertler, C. A. (2012). *Action Research Improving Schools and Empowering Educators*. 3<sup>rd</sup> Ed. California: Sage Publication Ltd.
- Mohd Dom, A. (2013). *Memantapkan Budaya Keusahawanan Di Kalangan Generasi Baru Melalui Sistem pendidikan Nasional Dan Pengajian*

- Agama: Gagasan Dan cabaran Merealisasikannya.* Dicapai pada Januari 1, 2013, dari [http://www.islam.gov.my/muamalat/sites/default/files/Tajuk\\_8](http://www.islam.gov.my/muamalat/sites/default/files/Tajuk_8).
- Mohd Noah, S. (2002). *Perkembangan kerjaya teori dan praktis*. Serdang: Universiti Putera Malaysia.
- Munad, U. (2012). *Raudhatus Sakinah*. Dicapai pada Mac 02, 2012 dari <http://wwwr sjohor.blogspot.com/>
- Pamela S, C. (1997). *Expectancy theory predictions of the transfer of training skills to the job*. California School of Profesional Psychology: Tesis Ph.D.
- Rahardjo, I. J. L. (2010). *Manajemen Rumah Tangga – Wanita Bekerja Memilih dan Melatih Suster dan Mbak Terampil, Andal dan Kerasan*. Jakarta : PT Gramedia
- Robson, C. (2007). *How to do a research project: a guide for undergraduate students*. Malden: Blackwell Publishing.
- Saharudin, B. & Zainal. Abidin, N. (2010). Peranan Kepimpinan Sekolah Dalam Pemindahan Latihan Bestari. *Eksplanasi Journal*, 5 (2) 146-154.
- Sari, I. C. (2009). Integrasi Pendidikan Agama Islam dan Mata Pelajaran Umum Pada Siswa Kelas X Madrasah Aliyah Negeri Yogyakarta 1. Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga: Tesis Sarjana.
- Sarwickas, M. L. (1997). CareerAdaptability : An Integrative Construct for Life Span, for Life- Space, Life-Space Theory. *The Career Development Quarterly*, 45 (3). 247-259.
- Smith, E. M. ( 1996). *The effects of individual differences, discovery learning, and Metacognition on learning and adaptive transfer*. Michigan State University: Tesis Ph.D.
- Suhid, A. (2008). *Pendidikan Akhlak Dan Adab Islam. Siri Pengajian dan Pendidikan Utusan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Super, D. E. (1990). Career and Life Development. Dlm. D. Brown, L. Brooks and Associates (1990). *Career Choice and Development: Applying Contemporarry Theories to Practice*, 2d ed. San Francisco: Jossey-Bass. Dicapai pada April 3, 2013 dari <http://www.calpro-online.org/eric//docs/niles/niles4.pdf>
- Super, D. E. (1980). A-Life- Span Approach to Career Development. *Journal of Vocational Behavior*. 16. 282-298.
- Tan, W. (2007). Practical research methods, Jurong: Pearson education South Asia Pte Ltd.
- Titus, H. H. & Smith, S. (1974). *Living Issues In Philosophy*. New York: D.N Nostrand Company.
- Wongso, W. (2012, Ogos). Persiapan sebelum memasak dan apa perbedaan cara Memasak. *Tellos T.V.* Dicapai pada Disember 21, 2012 dari <http://youtube.com/watch?NR=1&v=jdozH&D4oc>.
- Yusoffea, A. (2009). Sukses dalam Karier untuk Muslimah Panduan Harian Wanita Bekerja. Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd.

